

Politik ekonomi tema utama pilihan raya Iran

Pilihan raya Parlimen Iran 2016 yang berlangsung semalam mencuri tumpuan bukan sahaja rakyat Iran, malah masyarakat dunia. Pilihan raya kali ini diadakan pada suasana pasca perjanjian nuklear antara Iran dan masyarakat dunia yang ditandatangani lebih sebulan lalu, selepas lebih setahun dirundingkan dengan beberapa negara kuasa besar dan berpengaruh dunia.

Adakah 'mood' perjanjian nuklear ini akan mempengaruhi rentak pengundian rakyat Iran dan menjadi sumber analisis ramai peneliti politik Asia Barat dalam tempoh terdekat ini?

Presiden Iran, Hassan Rouhani, amat mengharapkan pilihan raya parlimen atau Majlis Syura kali ini akan dimenangi kumpulan politik beraliran sederhana. Beliau dimaklumi oleh rakyat Iran sebagai amat dekat dengan kumpulan ini yang juga dikenali di Iran sebagai kelompok reformis.

Ahli politik dari kelompok ini ramai mendukung pendekatan terbuka sepanjang kepemimpinan beliau yang lalu sehingga berjaya membawa kepada kejayaan perjanjian nuklear.

Perlu sokongan Majlis Syura
Rouhani yang terkenal dengan sikap sederhana memerlukan sokongan kuat Majlis Syura bagi membolehkan beliau dan kabinetnya melakukan program pembaharuan politik dan ekonomi di Iran.

Persaingan dua aliran politik iaitu kelompok reformis dan konservatif kelihatannya menjadi latar penting arah dan rentak pergerakan politik Iran pada pilihan raya kali ini.

Bagaimanakah rakyat Iran akan membuat pilihan mereka? Persoalan ini berkait dengan keperluan memahami strata sosial dan kelas ekonomi di Iran. Sebagaimana di negara dunia ketiga yang lain, sesebuah masyarakat itu diklasifikasikan kepada kelompok awam, menengah dan elit. Dari segi strata sosial pula, ia ditentukan oleh tahap pendidikan, sumber berita dan kesedaran politik generasi muda.

Mampukah pencapaian perjanjian nuklear itu menjadi satu faktor besar pemboleh ubah sikap politik rakyat Iran yang terpecah secara rencam dari sudut sosial dan ekonomi?

Pada kebiasaan, sikap politik masyarakat menengah dan elit akan cenderung kepada pola politik yang beraliran terbuka dan menghormati hak demokratik mereka dalam negara. Generasi muda juga secara lumrah menyokong sikap politik sebegini.

Namun, ia tidak demikian bagi masyarakat awam yang amat terikat dengan nilai konservatisme-nya. Dalam erti kata lain, pandangan dan sikap politik masyarakat awam akan menentukan masa depan pilihan raya kali ini.

Pada kebiasaan, sikap politik rakyat awam dipengaruhi oleh hierarki pendapat dari golongan yang dihormati dari kalangan pemimpin negara dan masyarakat setempat atau golongan agamawan yang dihormati dan dipatuhi.

Pengaruh agamawan

Dalam konteks semasa Iran, pengaruh agamawan amat menonjol dalam membentuk pandangan umum politik rakyat terbanyak yang kelihatan lebih cenderung kepada sikap pemeliharaan tradisi atau konservatisme. Itu hanya telahan politik yang berlaku pada kebiasaan. Namun, sikap luar biasa juga boleh terjadi dalam politik rakyat awam sebagaimana dirakam dalam banyak catatan sejarah.

Rakyat awam boleh melakukan perubahan drastik apabila mereka saling berkongsi satu kesedaran dan cita-cita sama dan serupa. Dalam konteks Iran hari ini, sikap politik rakyat terbanyak pasca perjanjian nuklear masih lagi misteri. Oleh itu, pilihan raya kali ini amat mencuri tumpuan.

Mengapakah pencapaian perjanjian nuklear itu terlalu penting dan dilihat sebagai satu peristiwa besar yang boleh menjadi faktor pemboleh ubah politik Iran kali ini? Iran melalui tempoh sekatan ekonomi dunia yang teruk sejak beberapa dekad lalu oleh kuasa ekonomi dunia disebabkan pelbagai faktor, antaranya program pembangunan teknologi nuklear yang dilihat kuasa besar sebagai usaha bagi membina senjata.

Kesan dan akibat dari sekatan ekonomi yang lama itu memang besar terhadap keupayaan dan daya saing ekonomi Iran. Oleh itu, politik ekonomi adalah tema utama wacana politik Iran hari ini.

Persoalan penyelesaian isu taraf hidup tinggi, inflasi, peluang pekerjaan baharu, kebajikan awam dan kemudahan rakyat menjadi keutamaan semua pemimpin politik.

Rouhani misalnya terpilih sebagai presiden Iran pada pilihan raya lalu kerana janjinya untuk menyelesaikan isu ekonomi dan kebajikan rakyat yang bertambah menghambat. Program perjanjian nuklear yang dicapai itu adalah antara strategi politiknya.



Penulis

ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Islam, UKM



DR MOHD
AZIZUDDIN
MOHD SANI

azizuddin@uum.edu.
com.my



DR MUHAMAD
RAZAK
IDRIS

rencana@bh.com.my